

26/05/2003

Dasar Pas halang Kelantan nikmati rangsangan ekonomi

Ramli Ibrahim

GUA MUSANG: Kelantan tidak akan dapat menikmati rangsangan ekonomi menerusi Pakej Strategi Baru diumumkan kerajaan Rabu lalu, jika rakyat negeri ini terus dikongkong dengan belunggu kemunduran berikutan dasar ketat kerajaan Pas menarik pelabur.

Ini kerana sudah berulang kali kerajaan mengambil langkah mengumumkan pelbagai pakej istimewa bagi meningkatkan daya saing dalam pelbagai bidang, namun Kerajaan Pas Kelantan terus membisu dalam pelaksanaan sesuatu perubahan.

Sehubungan itu, Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak yakin pakej strategi dalam pembangunan ekonomi negara akan membawa perubahan besar kepada rakyat Kelantan.

Beliau berkata, walaupun langkah yang diumumkan kerajaan merangkumi keistimewaan untuk dinikmati seluruh rakyat negara ini, tetapi disebabkan

Kelantan mempunyai perbezaan corak pemerintahan halangan tertentu tetap ada.

"Seperti sedia maklum, sejak Kelantan diterajui Pas lebih 12 tahun lalu

mereka mengenakan pelbagai syarat ketat untuk menarik pelabur di samping mengharamkan banyak permainan tradisional.

"Ini satu tindakan yang boleh dianggap menghalang kemajuan kerana Kelantan antara negeri sebelum ini disukai pelabur dan dikunjungi pelancong, tetapi sekarang terhalang dengan dasar ketat.

"Bagaimanapun, ia terpulanglah kepada rakyat negeri ini untuk membaiki perubahan hidup menerusi penerimaan rangsangan ekonomi yang diperkenalkan

kerajaan," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai keistimewaan rangsangan ekonomi menerusi Pakej Strategi Baru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Rabu lalu, dan masa depan rakyat Kelantan.

Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang, berkata usaha kerajaan ke arah mencapai matlamat kemajuan untuk dirasai semua lapisan rakyat amat baik dan dinanti-nantikan selama ini.

"Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik dikemukakan Kerajaan Pusat

sebagaimana diumumkan Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan Malaysia, supaya menggalakkan pelaburan, berbelanja untuk menambahkan putaran wang dalam sistem ekonomi kita.

"Oleh itu, dengan sendirinya ia akan mencetuskan pelbagai kegiatan, termasuk membuka peluang pekerjaan kepada rakyat dan mengembalikan keadaan

yang lembap kepada lebih aktif," katanya.

Beliau berkata, rakyat Kelantan juga perlu mengambil ukuran daripada langkah kerajaan itu dan jangan membiarkan kehidupan mereka terus dikongkong dengan belunggu kemunduran, sebaliknya mencari langkah lebih bijak mengatasinya.

"Kita sebagai rakyat perlu merebut peluang itu kerana menerusi cara itu
saja kita boleh membaiki kedudukan dan mengurangkan tekanan hidup
berikutan kekurangan peluang pekerjaan di Kelantan," katanya.